



KENYATAAN MEDIA

28 DISEMBER 2022

Pelarasan Tarif Elektrik di Kulim Hi-Tech Park, Kedah bagi Tempoh 1 Januari 2023 Hingga 30 Jun 2023

PUTRAJAYA, 28 Disember – Kerajaan pada 21 Disember 2022 telah bersetuju supaya pelarasan tarif elektrik di bawah pelaksanaan mekanisme *Imbalance Cost Pass-Through* (ICPT) di Kulim High Technology Park, Kedah (KHTP) iaitu bagi tempoh 1 Januari 2023 hingga 30 Jun 2023, semua pengguna domestik (tarif N1) dikecualikan daripada kadar surcag ICPT dan tidak akan mengalami kenaikan tarif elektrik, manakala surcag ICPT sebanyak 8.19 sen/kWj dilepaskan sepenuhnya kepada pengguna bukan domestik bagi tempoh tersebut.

Bagi tempoh semakan ICPT daripada 1 Julai hingga 31 Disember 2022, ST mendapati berlakunya peningkatan yang lebih tinggi dalam kos bahan api dan kos penjanaan di KHTP iaitu sebanyak RM76.02 juta atau bersamaan dengan surcag ICPT pada kadar 8.19 sen/kWj.

Peningkatan kos tersebut adalah susulan daripada kenaikan harga purata bahan api gas berpaip sehingga mencecah pada kadar RM32/mmBTU mengikut formula *Reference Market Price* (RMP) berbanding yang diunjurkan iaitu RM26/mmBTU dalam penetapan tarif asas bagi tempoh yang sama melalui tempoh kawal selia kedua di bawah mekanisme *incentive-based regulation* (IBR).

Selain daripada itu, peningkatan kos bekalan pukal daripada Tenaga Nasional Berhad bagi tempoh Julai hingga Disember 2022 juga menjadi antara faktor peningkatan keseluruhan kos

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.

ICPT pada separuh tahun kedua 2022 iaitu kesan daripada kenaikan kos bahan api di pasaran dunia ekoran daripada krisis tenaga global dan kekangan bekalan arang batu dunia.

*****Tamat*****

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Azlina Mohammad Jais/Hazwani Ghazali/Muhammad Harith Safruddin

Unit Promosi dan Hubungan Luar, Suruhanjaya Tenaga

Tel: 03-8870 8753/019-3589255 (Azlina)/011 28866271 (Hazwani)/018 3822545 (Harith)

Emel: azlinamj@st.gov.my/noorhazwani@st.gov.my/harith@st.gov.my

MENGENAI SURUHANJAYA TENAGA

Suruhanjaya Tenaga (ST) merupakan badan kawal selia yang bertanggungjawab untuk mengawal selia sektor tenaga, khususnya industri pembekalan tenaga elektrik dan gas berpaip di Semenanjung Malaysia dan Sabah.

Suruhanjaya Tenaga memastikan bahawa pembekalan elektrik dan gas berpaip kepada pengguna adalah terjamin, berdaya harap, selamat dan pada harga yang berpatutan.